

Dr. M—paduan dari unsur2 terpilih

Oleh
A. SAMAD SAID

DUA bulan sebelum MAC 1976 Mahathir Mohamad, memberitahu bahawa Allahyarham Tun Abdul Razak pernah mengingatkannya hal ehwal pelajaran adalah satu bidang yang rumit dan penuh cabaran. Dr. Mahathir benar-benar melalui cabaran tersebut.

Dan semalam, dengan segala ketenangan dan penuh harapan, Perdana Menteri Datuk Hussein Onn, mengumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Pemilihan tersebut tidak sebanyak sedikit mengakui kecekalan dan ketegasan Dr. Mahathir menghadapi beberapa cabaran dan rintangan sebagai seorang tokoh politik.

Barangkali cabaran yang paling besar dihadapinya baru-baru ini ialah caranya menyelesaikan krisis ITM, satu isu yang ha-

ngat. Dari menerima kecaman yang sepanas-panasnya, beliau kemudiannya mendapat sokongan sebesar-besarnya.

Sepanjang - panjang waktu, Dr. Mahathir bertegas: "Tindakan terpaksa diambil demi kepentingan masa depan ITM dan para pelajar yang benar-benar ingin belajar."

Sikap dan ketegasan seperti itulah telah meningkatkan Dr. Mahathir Mohamad ke jawatan Tim-

balan Perdana Menteri sekarang.

Bermula dalam politik dalam tahun 1945, Dr. Mahathir telah bergerak dengan kesatuan, malah turut pula memahami dan menganalisa peristiwa dan masaalah yang membentuk di sekelilingnya.

Dr. Mahathir banyak mendewasakan dirinya melalui Seberkas, Kesatuan Kedah, Kesatuan Pemuda Melayu Kedah

dan akhir sekali dalam UMNO.

Menganalisa peranan UMNO dalam politik negara, Dr. Mahathir pernah menjelaskan bahawa "UMNO ialah gabungan badan-badan yang cuba mencari taraf yang lebih bagia bagi orang-orang Melayu." Ternyata atas kepercayaan itu jugalah beliau bergerak dalam parti tersebut.

Ketokohan Dr. Mahathir Mohamad teruji setelah ia keluar dari UMNO kerana sesuatu perselisihan pokok. Terlalu jarang seorang tokoh yang keluar dari UMNO dapat kembali semula.

Tapi, Dr. Mahathir ternyata satu kekecualian. Tidak saja kehilangan nya dari UMNO itu terasa, malah kemasukan semula juga bergema.

Perjuangan

"Saya akan cuba memberi segala fikiran dan tenaga untuk menjayakan perjuangan UMNO," ikrarnya setelah ia diterima semula menjadi ahli UMNO dengan hampir sebulat suara dalam tahun 1972.

Memang sukar untuk diyakini bahawa seorang tokoh UMNO yang digugurkan dari ahli UMNO dalam tahun 1969 itu, mempunyai tenaga untuk mendapat kepercayaan semula dalam partinya.

Bahawa Dr. Mahathir mempunyai akar pada rakyat amatlah sukar untuk dinafikan. Malah kerana akar itu jugalah jalannya kembali ke UMNO itu menjadi amat bersejarah.

Dr. Mahathir Mohamad yang kini berumur 50 tahun, lahir di Alor Setar Kedah, pada 20 haribulan Disember, 1925. Setelah mendapat didikan awal di Sekolah Melayu Seberang Perak, Alor Setar, beliau melanjutkan pelajarannya ke Maktab Sultan Abdul Hamid, Alor Setar.

Bellau ke Fakulti, Perubatan di Universiti Malaya dalam tahun 1947 dan mendapat ijazah M.B.B.S. dalam tahun 1953. Setahun selepas itu, Dr. Mahathir bertugas sebagai Pegawai Perubatan di Alor Setar, Langkawi dan Perlis.

Sebagai seorang doktor, Dr. Mahathir kebetulan terpicat juga oleh seorang doktor lain dan mendirikan rumahtangganya dengan Dr. Hasmah binti Mohd. Ali pada tahun 1956.

Setahun selepas berumah tangga itulah Dr. Mahathir dan isterinya memulakan perusahaannya sendiri — "Maha Klinik" di Pekan Melayu, Alor Setar.

Setelah berdiri di atas kakinya sendiri itulah, minat Dr. Mahathir dalam lapangan politik itu menjadi lebih berakar. Perhatiannya terhadap masyarakat semakin besar, barangkali kerana penglibatannya secara langsung dengan segala lapisan masyarakat yang mengunjunginya kliniknya itu. Semangat perjuangannya yang tumbuh ketika beliau masih dalam usia duapuluh itu cepat menjulang.

Hanya pada tahun 1959 mula terisi kesungguhannya itu, apabila beliau dilantik menjadi Ahli Majlis Negeri Kedah. Pada waktu itu maranya sentiasa lanang, menegur dan memberi anjuran berguna untuk memperbaiki beberapa kepincangan dalam dasar-dasar Kerajaan.

Pengaruhnya semakin berkembang pada tahun 1964, bila beliau memenangi pilihanraya kawasan Kota Setar Selatan.

Sebagai ahli politik Dr. Mahathir merasa juga keperitan ditewaskan. Pada tahun 1969, beliau tidak dapat mempertahankan kerusi, satu pengalaman yang ternyata banyak memaksanya untuk meneliti dirinya sendiri.

Dalam empat tahun 'kekalahan'nya itu beliau banyak menapis segala pengalaman, mencari kekuatan baru dengan meneliti kelemahannya sendiri.

Namun begitu, kehadirannya dalam masyarakat tetap juga terasa. Selepas terhindar dari UMNO, beliau cepat-cepat menafikan desas desus bahawa beliau akan menubuhkan sebuah parti baru.

Pada ketika yang sama, beliau menolak pencalonan untuk menjadi Yang Dipertua MAYC Kebangsaan.

Dr. Mahathir sebaliknya menjelaskan bahawa kekealahannya — dan penyangkirannya dari UM-

NO — tidak memecahkan semangatnya. "Saya akan bersikap sebagai orang tengah saja dalam lapangan politik," jelasnya dalam satu malis dialog penulls di Alor Setar lima tahun lalu.

Analisa

Tapi sebelum itupun suaranya sudah tidak lagi terbatas kepada sekitar dalam negerinya saja. Gelagat dan tindak tanduk bangsa luar diikutinya, dan dijadi-kan nya contoh atau bandingan bila menganalisa masalah bangsanya sendiri.

Bercakap dalam Seminar Pimpinan Selangor anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-Pelajar Islam Malaysia, di Kuala Lumpur, enam tahun lalu, beliau memberitahu bahawa semangat amat perlu dalam sebarang perjuangan. Britain yang semulanya maju dalam bidang perniagaan dapat disaingi dan dikalahkan Jepun kerana semangatnya.

Secara berklas beliau menganjurkan supaya bangsanya mempertinggi semangat untuk bekerja sebelum cuba bergembar-gembur tentang kemajuan. Waktu itu Dr. Mahathir sudahpun menjadi Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi.

Di masa itu jugalah Dr. Mahathir menjadi lebih kritis kemudiannya, lebih-lebih lagi setelah beliau menulis buku "Malay Dilemma". Mempertahankan kritik dan selarannya dalam buku tersebut Dr. Mahathir memberitahu:

"Saya tidak mahu buku saya disamakan dengan karya Abdullah Munshi."

Menurutnya, bagi Abdullah Munshi segala-gala yang dilakukan oleh

hawa sebanyak \$95 juta akan dibelanjakan untuk pembangunan universiti tersebut menjelang tahun 1980.

Menyedari betapa besarnya jumlah wang rakyat yang terpaksa digunakan, beliau mengingatkan mahasiswa-mahasiswa tersebut supaya "membalas pengorbanan rakyat dengan berusaha sedaya upaya mencari dan memperdalam ilmu pengetahuan."

Atas kepercayaan itu jugalah setiap kali berhadapan dengan krisis yang sekira-kira akan merugikan pelajaran anak-anak Melayu, beliau akan terus berkeras.

Sebagai Menteri Pelajaran beliau terus-terusan berusaha untuk memperbaiki kekurangan di sekolah-sekolah rendah luar bandar, malah beliau menggalakkan penyusunan semula pentadbirannya.

Bila berlaku keciciran pelajar, beliau segera mengarahkan kajian. Mengetahui bahawa negara ini kekurangan guru, beliau segera mengarahkan supaya guru-guru sementara yang ada diberikan latihan sempurna secara berperingkat.

Ambil berat

Dr. Mahathir mengambil berat terhadap penyelewengan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri, mengarahkan supaya dibatasi segera penyelewengan dalam skim pinjaman buku-buku teks sekolah, berkeras terhadap golongan pelajar yang diyakini merugikan pelajar-pelajar lain, dan paling akhir menyeru supaya buku-buku sejarah ditulis kembali, memberikan

orang Melayu di zaman-nya salah belaka; hanya British yang benar. Abdullah hanya tahu mengkritik saja, tapi tidak memberi jalan keluar.

Katanya: "Saya mengkritik perbuatan-perbuatan orang Melayu dalam buku 'Malay Dilemma' dengan memberi jalan untuk diikuti dan dilaksanakan."

Sesudah diyakini kejujurannya dan dipercaya kesungguhannya, Dr. Mahathir diterima kembali tidak saja oleh UMNO, malah oleh pengundi-pengundi sendiri. Bertanding sebagai calon Barisan Nasional dalam pilihanraya 1974 di Kawasan Parlimen Padang Terap, beliau menang tanpa tentangan.

Masalah

Perhatian Dr. Mahathir ternyata tidak tertumpu kepada masalah pelajaran belaka. Minatnya terhadap perniagaan mendorongnya untuk menulis sebuah buku mengenainya. Perhatiannya besar kepada petani, peniaga, guru, dan terutama sekali pelajar. Di lapangan pelajaranlah nampaknya pengaruhnya berkesan sekali.

Beliau dilantik menjadi Pengerusi Majlis Pelajaran Tinggi yang pertama dalam tahun 1968, dan 4 tahun selepas itu beliau dilantik pula menjadi Ahli Majlis Penasihat Pelajaran Tinggi. Pada tahun 1974, Dr. Mahathir dilantik pula menjadi Pengerusi Ahli Majlis Universiti Kebangsaan.

Di waktu itulah beliau mengingatkan mahasiswa-mahasiswa baru Universiti Kebangsaan ba-

tempat-tempat yang sempat kepada tokoh-tokoh pejuang bangsa di tanahair sendiri.

Secara kasar Dr. Mahathir yang mempunyai lima orang anak — tiga perempuan, dua lelaki — lebih bersifat ayah kepada pelajar-pelajar. Kerana pada tempat-tempatnya beliau terlalu keras, maka sering tindakannya diterjemahkan sebagai terlalu menghum-kum.

Tapi di sebalik keke- rasan itu, sentiasa terlindung hasratnya untuk melihat lahirnya satu generasi pemuda baru yang dapat memanfaatkan bangsa dan negara.

Tidak mustahil antarnya atas kepercayaan itu juga, Perdana Menteri Datuk Hussein Onn melantik Dr. Mahathir Mohamad sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang baru.